

**Titah Sultan Selangor Seajar Dengan Konvensi Pelantikan MB - PKR Dan DAP
Bernama
August 27, 2014**

SHAH ALAM, 27 Ogos (Bernama) -- Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan DAP malam ini berkata titah Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah mengenai pelantikan Menteri Besar baharu adalah seajar dengan konvensi yang diamalkan secara berterusan dalam pelantikan Menteri Besar sebelum ini.

Setiausaha Agung PKR Datuk Saifuddin Nasution Ismail dan Pengerusi DAP Selangor Tony Pua dalam kenyataan bersama malam ini berkata Sultan Selangor pernah menitahkan parti-parti Pakatan Rakyat supaya mencalonkan lebih daripada satu nama dalam melantik Menteri Besar pada 2013.

Titah Sultan Selangor itu telah disampaikan kepada PKR, PAS dan DAP melalui satu surat bertarikh 7 Mei 2013, yang menurut mereka melambangkan konvensi yang diamalkan Sultan Selangor sebelum ini.

"Susulan itu, dengan mengambil kira titah Sultan Selangor dan konvensi yang diamalkan sebelum ini dalam pelantikan Menteri Besar, parti-parti dalam Pakatan Rakyat mencalonkan satu nama iaitu Tan Sri Khalid Ibrahim untuk dipertimbangkan Sultan Selangor pada 2013.

"Pencalonan ini diperkenankan dan diterima pakai oleh Sultan Selangor," kata mereka.

Mereka berkata oleh yang demikian, PKR dan DAP menjunjung titah Tuanku Sultan Selangor hari ini dan akan mempersembahkan satu nama iaitu Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail untuk dipertimbangkan sebagai calon Menteri Besar Selangor bagi menggantikan Abdul Khalid.

Ini seajar dengan konvensi yang diamalkan oleh Pakatan Rakyat pada 2013 selain Dr Wan Azizah mendapat sokongan majoriti sekurang-kurangnya 30 orang Anggota Dewan Undangan Negeri Selangor (termasuk Dr Wan Azizah sendiri), kata kedua-dua pemimpin pembangkang itu.

Sultan Sharafuddin hari ini menangguhkan untuk menerima peletakan jawatan Abdul Khalid sebagai Menteri Besar Selangor sehingga pelantikan baharu ditentukan.

Baginda membuat keputusan itu setelah menerima menghadap Abdul Khalid yang menyembah hasrat meletak jawatan sebagai Menteri Besar di Istana Bukit Kayangan di sini, petang tadi.

Sultan Selangor turut menitahkan pemimpin Pakatan Rakyat - PAS, PKR dan DAP - supaya mencadangkan lebih daripada dua nama daripada setiap parti itu sebagai calon menteri besar Selangor bagi memudahkan baginda untuk menentukan calon yang berkelayakan,

seterusnya memberi perkenan untuk melantik mana-mana calon yang difikirkan layak sebagai menteri besar.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1063698>